



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 27 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,777 kes** (667,709 kes kumulatif, 91.0%);
- Kes baharu : **5,586 kes** (734,048 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (1 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,583 kes** [4,186 warganegara (75.0%); 1,397 bukan warganegara (25.0%)];
- Kes aktif : **61,395 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **886 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **446 kes**;
- Kes kematian : **60 kes** (4,944 kes kumulatif, 0.67%; 52 warganegara, 8 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,772 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,898 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **874 kluster**.

Sebanyak **60 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **20 kes** di Selangor, **16 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **enam (6) kes** di Kelantan, **lima (5) kes** di Johor, **empat (4) kes** di Negeri Sembilan, **tiga (3) kes** di Sarawak, masing-masing **dua (2) kes** di Melaka dan Pahang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

INISIATIF PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL (MHPSS), KKM BAGI PETUGAS BARISAN HADAPAN

Sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara khususnya semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), masyarakat sangat terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Tekanan ini dirasakan oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Antara masalah berkaitan dengan kesihatan mental yang dikenal pasti adalah kerisauan, keresahan, perasaan sedih, kemurungan, serta hilang harapan untuk meneruskan kehidupan. Talian Bantuan Sokongan Psikososial yang diwujudkan semenjak 25 Mac 2020 mendapati kebanyakan pemanggil memerlukan sokongan emosi dan juga kaunseling.

Bagi petugas barisan hadapan pula isu utama yang dihadapi oleh sebilangan besar mereka adalah gejala tekanan yang melampau ataupun *burnout*. Hal ini berlaku apabila mereka perlu bekerja dengan komitmen melebihi 100 peratus bagi suatu tempoh yang lama. Situasi ini telah mengakibatkan keletihan fizikal dan mental yang boleh mengganggu konsentrasi serta produktiviti petugas barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Kajian yang telah dijalankan oleh Roslan N.S. et. al. (2021) ke atas **893 petugas kesihatan** mengenai “Prevalen dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi *Burnout* dalam Kalangan Petugas Barisan Hadapan di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19”, mendapati:

- Prevalen *burnout* berkaitan peribadi (*personal related burnout*) adalah sebanyak **53.8 peratus**, dan paling tinggi adalah dalam kalangan pegawai farmasi dan petugas kesihatan di peringkat daerah;
- Prevalen *burnout* berkaitan pekerjaan (*work related burnout*) adalah sebanyak **39.1 peratus** di mana Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dan petugas di makmal mencatatkan peratusan tertinggi;
- Prevalen *burnout* berkaitan dengan pesakit (*patient related burnout*) adalah sebanyak **17.4 peratus** dalam kalangan paramedik dan petugas kesihatan di hospital swasta;
- Kebanyakannya merasakan bahawa mereka tidak mendapat sokongan psikososial yang mencukupi di tempat kerja; dan
- Antara faktor yang mencetus situasi *burnout* dalam kalangan petugas kesihatan adalah:
 - bebanan tugas yang tinggi;
 - ketidakpastian tempoh pandemik yang panjang;
 - pertukaran dan proses adaptasi terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang pelbagai;

- rancangan kerjaya terganggu; dan
- kesulitan mengimbangkan keluarga dan kerjaya.

Menyedari situasi yang meruncing ini, beberapa inisiatif telah diwujudkan oleh KKM dalam menangani gejala tekanan yang melampau, khususnya bagi kakitangan kesihatan dan petugas barisan hadapan dalam tempoh pandemik ini, antaranya adalah:

- Saringan kesihatan mental sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti mereka yang mempunyai tanda-tanda awal tekanan, keresahan dan kemurungan;
- *Psychological First Aid* (PFA) diberikan kepada mereka yang bermasalah dan dirujuk kepada kaunselor atau pakar psikiatri mengikut keperluan;
- Selain itu, sesi *pre-deployment* turut diberikan kepada petugas kesihatan dan sukarelawan daripada agensi lain yang dimobilisasikan ke seluruh negara untuk bertugas membantu mengendalikan pandemik COVID-19. Sesi ini adalah sebagai persediaan mental sebelum melaksanakan tugas;
- Petugas juga diberikan *Mental Health Alert Card* apabila selesai menjalankan tugas bagi pemantauan sendiri tahap kesihatan mental mereka;

- Bagi mengelakkan *burnout*, petugas kesihatan yang terlibat dalam pengendalian wabak COVID-19 turut diberikan cuti tanpa rekod dengan persetujuan Ketua Jabatan;
- Sesi *debriefing* diberikan kepada petugas setelah selesai tugas di lapangan;
- Mengamalkan konsep pusingan kerja (*Job Rotation*); dan
- Menempatkan pasukan MHPSS di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) seperti di PKRC MAEPS untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan intervensi psikososial kepada kakitangan dan pesakit.

Petugas barisan hadapan disarankan untuk mengambil langkah penjagaan sendiri (*Self-Care*) bagi mengelakkan *burnout* seterusnya mewujudkan budaya kerja yang sihat dan ceria seperti berikut:

- Bekerja secara efektif sebagai sebuah pasukan bagi meringankan beban tugas;
- Sentiasa melakukan penilaian sendiri bagi mengesan tanda-tanda awal *burnout*;
- Membina hubungan baik antara rakan sekerja dan ahli keluarga;
- Sedia berkongsi dan mendengar pandangan serta nasihat sekiranya mempunyai masalah;

- Mengamalkan senaman dan teknik kawalan pernafasan bagi mengurangkan tekanan; dan
- Dapatkan rehat secukupnya serta amalkan pemakanan yang seimbang.

KKM menggesa semua petugas barisan hadapan untuk sentiasa mengambil berat aspek kesihatan mental di samping memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memberi perkhidmatan dan rawatan kepada pesakit-pesakit khususnya dalam tempoh melawan pandemik ini.

KKM melalui pasukan MHPSS akan sentiasa berkolaborasi dengan pelbagai agensi dan kementerian dalam menangani masalah *burnout* dalam kalangan petugas kesihatan serta mengambil tindakan yang sesuai bagi mencegah masalah ini daripada terus berlaku. Bantuan serta kaunseling sentiasa akan dihulurkan kepada mana-mana individu yang memerlukan khususnya petugas barisan hadapan. #Kitajagakita.

Rujukan artikel: Roslan, N.S., Yusoff, M.S.B., Asrenee, A.R. & Morgan, K. 2021. Burnout Prevalence and Its Associated Factors among Malaysian Healthcare Workers during COVID-19 Pandemic: An Embedded Mixed-Method Study. *Healthcare*, 9(90), 1-20. (<http://doi.org/10.3390/healthcare9010090>)

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 Jun 2021 @ 5:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 27 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	2,212 (1)	241,627
WP KUALA LUMPUR	628 (2)	75,223
JOHOR	312	70,011
SABAH	190	68,767
SARAWAK	513	63,824
NEGERI SEMBILAN	501	42,907
KELANTAN	133	34,420
PULAU PINANG	138	34,161
PERAK	229	25,907
KEDAH	129	24,565
MELAKA	380	17,757
PAHANG	118	13,095
TERENGGANU	16	11,137
WP LABUAN	83	7,812
WP PUTRAJAYA	4	2,251
PERLIS	0	584
JUMLAH KESELURUHAN	5,586 (3)	734,048

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 60 kes kematian pada 27 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina	Umur (Tahun)	Hospital	Latar Belakang Penyakit
4885	Kelantan	Perempuan (WN)	69	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
4886	Kelantan	Perempuan (WN)	70	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis dan darah tinggi
4887	Kelantan	Lelaki (WN)	70	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4888	Kelantan	Perempuan (WN)	84	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
4889	Selangor	Lelaki (WN)	20	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Obesiti
4890	Kelantan	Perempuan (WN)	53	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, kanser, dislipidemia, dan hati kronik
4891	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan dislipidemia
4892	Selangor	Perempuan (WN)	43	Hospital Sungai Buloh	-
4893	Melaka	Lelaki (WN)	81	Hospital Melaka	Kencing manis dan darah tinggi
4894	Selangor	Perempuan (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4895	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Sungai Buloh	-
4896	Selangor	Perempuan (WN)	42	Hospital Sungai Buloh	-

4897	Sarawak	Lelaki (WN)	62	Hospital Miri	Kencing manis dan darah tinggi
4898	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	62	Hospital Tampin	Kencing manis dan darah tinggi
4899	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Banting	Darah tinggi dan dislipidemia
4900	Selangor	Perempuan (WN)	66	Hospital Sunway, Petaling Jaya	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
4901	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan jantung
4902	Kelantan	Lelaki (WN)	74	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi dan strok
4903	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	51	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4904	Johor	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis dan darah tinggi
4905	Sarawak	Perempuan (WN)	54	Hospital Miri	Kencing manis dan darah tinggi
4906	Sarawak	Lelaki (WN)	73	Hospital Bintulu	Darah tinggi, dislipidemia, strok, dan paru-paru kronik
4907	Selangor	Perempuan (WN)	61	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4908	Selangor	Perempuan (WN)	54	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
4909	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
4910	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan darah tinggi
4911	Johor	Perempuan (WN)	43	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Asma

4912	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	28	Hospital Tengku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Obesiti
4913	Kedah	Perempuan (WN)	69	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit saraf
4914	Pahang	Lelaki (WN)	69	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis, darah tinggi, paru-paru kronik, jantung, dan buah pinggang kronik
4915	Johor	Lelaki (WN)	67	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi, dislipidemia, dan kanser
4916	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
4917	Johor	Lelaki (WN)	65	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4918	Pahang	Lelaki (WN)	68	Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh	Kanser dan buah pinggang kronik
4919	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	26	Hospital Sungai Buloh	Obesiti
4920	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	88	Hospital Jelebu	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
4921	Melaka	Lelaki (WN)	68	Hospital Melaka	Mental
4922	Selangor	Perempuan (WN)	27	Hospital Sungai Buloh	Obesiti
4923	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan darah tinggi
4924	Selangor	Perempuan (WN)	85	Hospital Shah Alam	Kencing manis dan darah tinggi
4925	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dan strok

4926	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	88	Hospital Jelevu	-
4927	WP Labuan	Perempuan (WN)	44	Hospital Labuan	-
4928	Selangor	Lelaki (WN)	86	Hospital Banting	Darah tinggi dan tiroid
4929	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
4930	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	81	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia	Kencing manis, darah tinggi, saraf, dan buah pinggang kronik
4931	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	77	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan darah tinggi
4932	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4933	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	66	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan asma
4934	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	66	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan asma
4935	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, kanser, dan asma
4936	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	46	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
4937	Johor	Lelaki (BWN)	36	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
4938	Selangor	Lelaki (BWN)	32	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
4939	Selangor	Perempuan (BWN)	51	Hospital Serdang	Kencing manis dan obesiti

4940	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	37	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
4941	Selangor	Perempuan (BWN)	35	Jenazah dibawa ke Hospital Banting	Obesiti
4942	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	53	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
4943	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	47	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
4944	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	55	Hospital Serdang	Kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 5,586 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 27 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,212	387	1,254	1	570
WP KUALA LUMPUR	628	233	224	2	169
SARAWAK	513	127	322	-	64
NEGERI SEMBILAN	501	104	244	-	153
MELAKA	380	307	51	-	22
JOHOR	312	192	70	-	50
PERAK	229	190	26	-	13
SABAH	190	57	75	-	58
PULAU PINANG	138	68	18	-	52
KELANTAN	133	57	61	-	15
KEDAH	129	33	72	-	24
PAHANG	118	74	26	-	18
WP LABUAN	83	2	46	-	35
TERENGGANU	16	-	13	-	3
WP PUTRAJAYA	4	-	3	-	1
PERLIS	0	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	5,586	1,831	2,505	3	1,247

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 27 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Industri Rawang Bestari	Tempat Kerja	Selangor	Gombak dan Hulu Selangor	57	135
2	Industri Kampung Sungai Bakau	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	134	190
3	Tapak Bina Jade	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	42	208
4	Industri Jalan Sungai Tua	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	122	137
5	Tapak Bina Jalan Kuching	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	99	401
6	Tapak Bina Jalan Residen Dua	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	9	544
7	Tapak Bina Jalan Kiara Lima	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	28	147
8	Tapak Bina Jalan Belfield	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	20	102
9	Pekeliling Tanjung 27	Tempat Kerja	Johor	Kulai	35	177
10	Murni Sepang	Komuniti	Selangor	Sepang	100	220
11	Linau Kumpang	Komuniti	Sabah	Kota Belud	29	55
12	Kuarters Bata Durok	Komuniti	Sabah	Keningau	12	44
13	Kampung Gong Depu	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	11	32
14	Kampung Melor Lama	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	15	47
15	Jalan 12 Kampar	Komuniti	Perak	Kampar	9	42
16	Tembok Kota Kinabalu	Pusat Tahanan	Sabah	Kota Kinabalu, Penampang, dan Papar	34	422
17	Jalan Stampin	Kumpulan Berisiko Tinggi	Sarawak	Kuching	19	46